

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 19 May, 2020 11:48 AM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Frontliners UUM Terima Sumbangan Face Shields

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 08 Mei 2020 13:38
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: Frontliners UUM Terima Sumbangan Face Shields



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 MEI 2020 / 15 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: INASIS Proton dan Tradewinds

FRONTLINERS UUM TERIMA SUMBANGAN FACE SHIELDS



UUM ONLINE: Petugas barisan hadapan (*frontliners*) UUM bersyukur menerima sumbangan pelindung muka (*face shield*) yang dihasilkan pelajar dan staf dari Inapan Siswa (INASIS) Proton dan Tradewinds (Prowins) yang prihatin.

Pegawai Perubatan, Dr. Rabi'ah Abdul Ghani berkata, dalam situasi Covid-19 yang telah mengorbankan ribuan nyawa di seluruh dunia termasuk Malaysia, penggunaan *face shield* amat diperlukan dan sumbangan tersebut adalah tepat pada masanya.

Menurutnya, kelebihan pelindung muka ini boleh menghalang muka *frontliners* daripada terkena semburan *droplets* daripada pesakit terutamanya ketika mereka bersin atau batuk.

Katanya, pihak Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sangat berterima kasih di atas sumbangan yang amat ditunggu-tunggu dalam keadaan sekarang, sesungguhnya mereka berasa bangga kerana peralatan ini dihasilkan oleh pasukan pensyarah dan pelajar UUM sendiri.

"Saya juga ingin mengingatkan supaya semua warga kampus agar sentiasa menjaga jarak dan mencuci tangan sekerap mungkin kerana langkah ini memang terbukti berkesan untuk mencegah jangkitan Covid-19, malah pastikan sentiasa memakai mask ketika berada di tempat awam walaupun kita tidak ada sebarang gejala selaras dengan saranan WHO yang terbaru.

"Saya berharap supaya rantaian jangkitan Covid-19 ini boleh diputuskan segera supaya semua orang dapat pulang ke pangkuan keluarga masing-masing secepat mungkin, sekali gus dapat menjalani ibadah puasa dan berhari raya bersama keluarga tersayang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan, Musa Bari berkata, peruntukan Jabatan Keselamatan buat masa kini tertumpu kepada perolehan perlindungan diri seperti *mask*, *hand sanitizer* dan sarung tangan kepada anggota keselamatan yang berada di barisan hadapan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya amat berbesar hati kerana pelajar-pelajar dari Inasis Proton dan Tradewinds serta rakan jabatan lain yang sudi menyalurkan sumbangan *face shields* untuk digunakan semasa bertugas di pintu hadapan pos utama.

"Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami zahirkan. Semoga fasa PKP yang dilalui ini adalah pahala jihad bagi *frontliners* kita," katanya.

Sumbangan *face shields* tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Sekretariat Sukarelawan Pelajar Covid-19, INASIS Proton dan Tradewinds, Muhammad Idzham Rosidi dengan disaksikan Pengetua Prowins, Dr. Rohafiz Sabar dan Felo merangkap Kaunselor, Nurul Asma Mat bersama-sama Penolong Akauntan, Joezainy Ismail yang mewakili Old Putera Hijau Kuning dan R11.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.